



U

capan Penutup

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia
(Dr) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong
Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri**

**Bengkel Asas Kepimpinan Masyarakat (*Talent Pool*)
bagi Ahli – Ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung
Negara Brunei Darussalam**

Hari / Tarikh:

Hari Isnin, 2nd April 2018

Tempat:

ILIA Room 1

Institute for Leadership Innovation and Advancement, (ILIA)

Universiti Brunei Darussalam

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

1. Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadhrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah rahmatNya jua, kita dapat berkumpul bersama-sama pada petang ini bagi Majlis Penutup Bengkel Asas Kepimpinan Masyarakat (*Talent Pool*) bagi Ahli-Ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung Negara Brunei Darussalam. Ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua yang terlibat didalam merealisasikan bengkel ini yang bermula sejak bulan Mei 2017 sehingga ianya berakhir pada petang ini khususnya fasilitator dari ILIA dibawah pimpinan Dr Shamsiah dan juga fasilitator dari Jabatan-Jabatan Daerah. Sebagaimana di maklumi bengkel ini diadakan secara berterusan dimana peserta-peserta bengkel setelah mengikuti sesi formal telah juga membuat projek masing-masing secara berkumpulan iaitu mengenalpasti masalah-masalah yang terdapat di beberapa buah kampung yang terpilih, mengemukakan cadangan pembaikan dan seterusnya dapatan cadangan-cadangan daripada projek-projek berkenaan yang dibentangkan dalam sesi pada pagi tadi.
2. Program kepimpinan ini dilaksanakan adalah sebagai salah satu usaha jangka sederhana Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi memberikan pengetahuan dan kemahiran kepimpinan kepada Ahli-Ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampong. Menerusi pendedahan kepada program ini, adalah diharapkan ianya akan dapat meningkatkan kapasti kepimpinan akar umbi di peringkat kepimpinan Majlis Perundingan Kampong dan Mukim agar bertambah mantap dan berkesan. Menerusi program ini kita juga berharap akan dapat mengenalpasti potensi mereka yang boleh dicalunkan menjadi bakal Ketua Kampong tertakluk mereka memenuhi kriteria atau syarat-syarat dalam Skim Perkhidmatan Penghulu dan Ketua Kampong.

3. Alhamdulillah melalui program ini telah dapat memberikan pendedahan kepada peserta-peserta akan kepentingan dan kemahiran dalam memimpin bukan sahaja untuk diri sendiri, keluarga malah masyarakat diperingkat kampung, mukim dan daerah serta mengujudkan cara bekerja secara berkumpulan (team work). Ini adalah diantara asas-asas penting terutamanya di zaman ini yang menghadapi pelbagai perubahan dan cabaran hasil dari ledakan ilmu yang bukan sahaja perlu dipelajari malah perlu dikuasai. Ilmu serta pengalaman yang dipelajari melalui bengkel ini dihasratkan dapat melengkapkan diri peserta-peserta bengkel agar berupaya menghadapi keseimbangan hidup yang semakin mencabar ini. Justeru itu, dengan penganjuran program seperti ini, saya percaya banyak *input* yang telah diperolehi kerana pelbagai perisian telah dimuatkan sepanjang bengkel ini seperti tatacara pengumpulan maklumat, pembentangan projek dan membuat laporan. Secara tidak langsung, bengkel ini dilihat dapat membantu melahirkan golongan pemimpin-pemimpin yang berwibawa dan tertakluk kepada kesesuaiannya mungkin ada dikalangan peserta bengkel akan berjaya untuk menyumbang kepada kepimpinan Majlis Perundingan Kampung dan Mukim dimana segala ilmu yang dipelajari sepanjang bengkel ini akan dapat diaplikasikan dan dikongsikan didalam menjalankan tugas-tugas dan tanggungjawab sebagai pemimpin akar umbi.

Sekian,

Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.